

**Najib ke Perth lawat pusat operasi SAR, Hishammuddin ke Amerika
Malaysian Insider
31 Mac, 2014
Oleh Md Izwan**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengadakan lawatan ke pusat operasi mencari dan menyelamat (SAR) penerbangan MH370 berpangkalan di Perth Rabu ini, kata Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Menurut pemangku menteri pengangkutan itu, Najib bakal mengadakan lawatan ke pangkalan Tentera Udara Pearce untuk melihat sendiri operasi yang berjalan di sana.

"Rabu ini perdana menteri bakal melawat pusat operasi di Perth bagi melihat sendiri misi SAR yang berjalan di Lautan Hindi ketika ini," kata Hishammuddin dalam sidang media di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Dalam pada itu, Hishammuddin mengatakan beliau juga bakal mengadakan lawatan ke Amerika Syarikat bagi berkongsi maklumat mengenai usaha mencari MH370.

Mengulas misi SAR di Australia, Hishammuddin berkata Perdana Menteri Australia, Tony Abbott telah menelefon sendiri Najib bagi menerangkan mengenai perkembangan misi.

"Daripada maklumat yang kami peroleh pihak berkuasa Australia, kawasan mencari hari ini meliputi 254,000 kilometer persegi.

"Hari ini, sebanyak sembilan pesawat tentera dan sebuah pesawat awam melakukan tinjauan di kawasan itu," kata Hishammuddin.

Selain itu, sebanyak 11 kapal juga dikerah ke kawasan pencarian.

Dalam perkembangan terkini, Kapal Tentera Laut Diraja Malaysia, KD Lekiu dijangka tiba di kawasan mencari pada 3 April ini.

Hishammuddin yang juga Menteri Pertahanan akan berlepas ke Hawaii bagi menghadiri mesyuarat Menteri Pertahanan Asean pada malam ini.

"Mesyuarat ini diadakan daripada 1 hingga 3 April, ia diadakan oleh Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Chuck Hagel.

"Saya akan berkongsi dengan rakan negara Asean, kerajaan Amerika Syarikat mengenai perkembangan terkini dalam misi mencari MH370," kata Hishammuddin.

Menurut Hishammuddin, perbincangan akan tertumpu kemungkinan untuk menambah aset ketenteraan memandangkan fasa baru operasi pencarian yang lebih kompleks.

"Saya akan berbincang dengan Amerika Syarikat dan rakan lain dan sekutu, bagaimana cara terbaik untuk menggunakan aset diperlukan dalam pencarian laut dalam dan penemuan," katanya.

Misi pencarian masuk hari ke-24, banyak petunjuk ditemui menerusi satelit beberapa negara yang terlibat dalam operasi, bagaimanapun sehingga kini lokasi bangkai pesawat masih misteri.
- 31 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-ke-perth-lawat-pusat-operasi-sar-hishammuddin-ke-amerika>